

Kerajaan tidak hams kuota

BH 2 MAY 2002

Oleh Kadir Dikoh dan Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Rabu - Malaysia tidak akan tunduk kepada tekanan asing yang mahu kuota Bumiputera dalam sektor perniagaan dan sekatan kepada pemilikan asing dalam syarikat tempatan termasuk bank dihapuskan atas nama globalisasi.

Datuk S&i Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia kini sedang menghadapi tekanan daripada negara maju menerusi satu memorandum yang dikemukakan mereka kepada negara ini.

Memorandum itu mahukan beberapa syarat yang dikenakan terhadap peniaga mereka ketika berurusan dengan Malaysia dihapuskan.

"Di antaranya ialah kuota Bumiputera dan se-

bagainya yang kita buat, ini semua nak dihapuskan. Mereka kata ini tidak membentuk "padang permainan sama rata", katanya pada sidang akhbar selepas memberi ucapan pada perhimpunan Hari Pekerja 2002 bagi anggota sektor awam di sini, hari ini.

Ditanya sama ada Malaysia akan berganjak daripada pendiriannya berikutan tekanan itu, Dr Mahathir berkata seberapa boleh kerajaan akan cuba untuk tidak berganjak tetapi ingin melihat apakah bentuk tekanan yang mereka ingin kenakan terhadap negara ini.

Tanpa menamakan negara maju yang dimaksudkan, beliau berkata mereka itu yang begitu kuat, cuba menumpukan perhatian

kepada negara membangun dan mempunyai pengaruh kuat ke atas Pertumbuhan Perdagangan Sedunia (WTO).

"Bila pergi ke mesyuarat WTO, dia boleh hantar sehingga 200 hingga 300 orang (pegawai), sedangkan kita boleh hantar cuma 10 atau 15 orang dan mereka mempunyai hubungan terus dengan syarikat besar, bank dan peguam mereka.

"Jadi kalau orang kita tak cekap, kita mungkin ingat, ini tak mengapa...tetapi kita sudah serahkan kepada orang lain hak kita," katanya.

Perdana Menteri memberi contoh mengenai Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) yang mentakrifkan 40 peratus sebagai kandungan tempatan untuk pro&k dikeluarkan.

tunduk tekanan Bumiputera: PM

Tetapi katanya, kereta nasional Proton mempunyai 90 peratus kandungan tempatan menyebabkan kosnya tinggi, sedangkan di negara Asean lain, mereka boleh mengambil kereta asing dan memasukkan 40 peratus kandungan tempatan.

Beliau berkata, 40 peratus itu adalah termasuk kos buruh, bateri, roda dan benda yang mempunyai nilai tambah rendah, menyebabkan mereka mampu menjualnya dengan harga murah.

"Jadi mereka boleh jual dengan harga yang murah kerana mereka akan keluar kereta yang sudahpun besar pasarannya. Kita keluar kereta nasional, jadi tak sama antara kereta nasional dengan kereta mereka yang ambil produk asing saja," katanya.

Mengenai sekatan terhadap pemilikan asing dalam sektor runcit di negara ini, Dr Mahathir berkata dulu kerajaan tidak membenarkan orang asing terbabit dalam perniagaan runcit kerana sektor itu bergantung kepada pasaran dalam negara.

Beliau berkata, kerajaan membenarkan orang asing menyertai bidang perdagangan untuk tujuan eksport tetapi sekarang Malaysia membenarkan perniagaan runcit dikuasai syarikat asing.

"Tetapi kita harus berjaga-jaga. Jika tidak, mereka akan membuat keuntungan di sini dan hantar keuntungan itu ke luar negara...bermakna merosot tukaran asing kita. Kalau dia nak hantar balik ke England umpamanya, dia boleh tukar ringgit untuk da-

pat paun (sterling)...paun itu datang daripada rizab kita...rizab kita akan merosot," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya di majlis itu, Dr Mahathir berkata kerajaan baru-baru ini menyekat perkembangan pasar raya besar (hypermarket) di negara ini dalam usaha untuk melindungi perniagaan runcit milik rakyat tempatan.

Katanya, kewujudan pasar raya besar seperti Giant, Makro, Carrefour dan Tesco yang boleh menawarkan harga barangan lebih murah boleh mematickan perniagaan tempatan.

Beliau berkata, kemasukan tanpa had itu adalah dimantikan oleh orang atau syarikat asing, malah mereka mahu memiliki 100 peratus syarikat atau b&k tempatan jika kerajaan tidak membuat sekatan.

"Mereka adalah besar dan pasti syarikat kecil tempatan akan kalah. Pada mereka, kita perlu buka pasaran kononnya bagi memastikan sama-sama berada di padang permainan sama rata.

"Ada orang kita terpengaruh dan ikut cakap itu. Sebenarnya, ini sebahagian daripada perancangan mereka (asing) untuk menguasai ekonomi seluruh dunia. Ayabila ini berlaku, kita akan kembali menjadi kuli kepada orang asing," katanya.

Bagaimanapun, beliau memberi jaminan bahawa apa saja keputusan yang dibuat kerajaan dalam hal pembukaan pasaran itu, ia tidak akan dibuat secara sewenang-wenangnya tetapi mengambil kira kepentingan semua lapisan rakyat.